



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

SIARAN MEDIA

KBS ANJURKAN PROGRAM PESTA RAKAN MUDA MUDI: DEMOKRASI BERAKSI PADA 9 SEPTEMBER 2023

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menerusi Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) akan menganjurkan program **Pesta Rakan Muda Mudi: Demokrasi Beraksi** pada **9 September 2023 (Sabtu)** bertempat di **Dewan Podium KBS dan Kawasan Sekitar Menara KBS, Putrajaya** bermula jam **10.00** pagi hingga **10.00** malam.
2. **Pesta Rakan Muda Mudi** merupakan **program baharu** di bawah payung Rakan Muda bagi **membangkitkan pengetahuan anak muda mengenai kepelbagaian isu yang mewarnai Malaysia** yang mana akan dianjurkan berlandaskan **Gaya Hidup Rakan Muda**. Tema yang dibawa bagi edisi rintis Pesta Rakan Muda Mudi adalah **Demokrasi Beraksi** bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos dan Hari Malaysia yang disambut pada 16 September.
3. **Edisi Demokrasi Beraksi** akan **mengetengahkan elemen Rakan Demokrasi, Rakan Ekspresi, Rakan Muzik dan Rakan Niaga** dengan objektif seperti berikut:
 - 3.1 menyediakan platform kepada generasi muda untuk **menyerlahkan bakat dan potensi diri** menerusi aktiviti pembangunan Rakan Muda;
 - 3.2 memberi **pendedahan dan pemahaman** kepada generasi belia mengenai **prinsip-prinsip demokrasi, kepentingan sosialisasi politik dan nilai-nilai kenegaraan** dengan pendekatan yang lebih santai tetapi bermakna seiring dengan hasrat **memupuk semangat patriotisme dan kecintaan kepada negara** dalam diri anak muda;

- 3.3 **meningkatkan kesedaran generasi muda** terhadap kekayaan budaya, sejarah, seni dan identiti negara serta **menghargai bakat seniman dan karyawan negara** selari dengan hasrat **mendorong minat belia dalam perkembangan bidang kesusasteraan, ilmu sosial dan memahami berbagai bentuk ekspresi seni**; dan
- 3.4 **mempromosi jenama Rakan Muda** yang telah diberikan suntikan nafas baharu melalui gaya hidup Rakan Demokrasi khususnya dan gaya hidup yang lain umumnya dengan pengisian program dan aktiviti yang lebih segar, menarik dan bermanfaat.
4. Antara pengisian di bawah penganjuran pesta ini adalah sesi kelas demokrasi, forum berkaitan perjuangan wanita dan kemerdekaan, tayangan filem khas, bengkel & pameran seni visual dan koleksi karya negara, persembahan puisi dan akustik, jualan keusahawanan belia dan banyak lagi. Antara personaliti tanah air yang akan membuat penampilan di pesta ini adalah Pyanhabib, Israr Khalid, Swit Marie, Kasthury P., Amir Jahari dan ramai lagi. Poster dan tentatif program seperti di **LAMPIRAN A** dan **LAMPIRAN B**.
5. Penganjuran pesta ini juga dijalankan secara **PERCUMA** yang mana orang awam dijemput untuk hadir terutamanya dalam kalangan anak muda termasuklah pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT), pelajar sekolah dan sebagainya.
6. Semoga penganjuran pesta ini akan memberikan pendedahan dan **membangkitkan semangat kenegaraan dan patriotik** lebih-lebih lagi bersempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia selaras dengan hasrat yang terkandung di bawah kerangka Malaysia MADANI.
7. Sekiranya orang ramai atau mana-mana pihak **memerlukan maklumat** atau **mempunyai pertanyaan** mengenai pesta ini, sila hubungi sekretariat di talian **03-8871 3249** atau e-mel rakanmuda@kbs.gov.my atau layari <https://www.kbs.gov.my/rakanmuda.html>

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

4 SEPTEMBER 2023

LAMPIRAN A1

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA

RAKAN MUDA
RAKAN MUDA
RAKAN MUDA
RAKAN MUDA

**PESTA RAKAN
MUDAMUDI**

9 SEPT
2023

memperserembahkan

“Demokrasi Beraksi”

ڤبستأ ركان مودا مودي 青年联欢会
பெஸ்தா ரகான் மூடா முடி

**10.00 PAGI - 10.00 MALAM
MENARA KBS, PUTRAJAYA**

KBS MALAYSIA MADANI

★ RAKAN STRATEGIK ★

IMPACT RAKITA 107.9 Pusat Rakan & Pemasar Rakan SIAR wayang@BUDIMAN

LAMPIRAN A2

The poster is for a poetry reading event titled "Demokrasi Beraksi" (Democracy in Action). It features a collage of images including an open book, musical notes, a microphone, a film reel, and a speaker. The event is part of the "PESTA RAKAN MUDA MUDI" (Youth Rakan Festival) on 9 SEPT 2023, from 10 Pagi to 10 Malam at Menara KBS, Putrajaya. The event is organized by the "RAKAN STRATEGIK" (Strategic Rakan) and is supported by various organizations including IMPACT, RAKITA, and SIAR. The poster also includes the logo of the Malaysian Ministry of Education and Sports (KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN) and the Malaysian Madani logo.

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA

PESTA RAKAN MUDA MUDI
mempersembahkan
"Demokrasi Beraksi"
قيستا راکن مودا مودي 青年联欢会
பெஸ்தா ரகான் மூடா முடி

9 SEPT 2023

10 PAGI - 10 MALAM
MENARA KBS, PUTRAJAYA

Bacaan Puisi

Ronasina Swit Marie Ieda Mazlan

Israr Khalid (Host) Pyanhabib Adam Hazin Kasthury P.

★ RAKAN STRATEGIK ★

IMPACT RAKITA SIAR wayang@BUDIMAN

LAMPIRAN A3

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA

PESTA RAKAN MUDA MUDI

mempersembahkan

NYANYIAN AKUSTIK

9 SEPT 2023

10 PAGI - 10 MALAM
MENARA KBS, PUTRAJAYA

Rumah Kayu

Amir Jahari

Seakan Bintang Aberawan

Azmyl Yunor

Viona

Hawa

Israr Khalid (Host)

★ RAKAN STRATEGIK ★

IMPACT RAKITA 107.9 SIAR wayang@BUDIMAN

LAMPIRAN A4

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA

PESTA RAKAN MUDA MUDI 9 SEPT 2023

mempersembahkan
"Demokrasi Beraksi"
മൊഴുതാ രകാൻ മൂലം മുഖേ
青年联欢会

10 PAGI - 10 MALAM
MENARA KBS, PUTRAJAYA

Reruai Jualan

FIXI **biblio** **RABAK-LIT**
libde **Gerak Budaya** **CK CULT KIDS**
Luncai Emas Sdn Bhd **Sunburst Coffee** **KTeas.co x The Gadis Company**
Jejaka Batik x Jelita's **Aneka Pakai** **Atma by Nadine**

MALAYSIA MADANI

★ RAKAN STRATEGIK ★

IMPACT RAKITA SIAR wayang@BUDIMAN

LAMPIRAN B

ATUR CARA

10.00 PAGI - 10.00 MALAM

BOOTH RAKAN MUDA | BOOTH MALAYSIA MADANI | PAMERAN SEKOLAH RUKUN NEGARA | PAMERAN KARYA KOLEKSI BALAI SENI NEGARA | PAMERAN THE ROJAK PROJEK OLEH FAYE LIM | JUALAN BUKU & PRODUK KONTEMPORARI TEMPATAN: BUKU FIXI, BIBLIO PRESS, BUKU LIAR, RABAK-LIT, GERAK BUDAYA, BUKU IBDE, BALAI SENI NEGARA, CULTKIDS, LUNCAI EMAS SDN BHD, SUNBURST COFFEE, KTEES.CO x THE GADIS COMPANY, JEJAKA BATIK x JELITA'S, ANEKA PAKAI ATMA BY NADINE | BENGKEL SENI OLEH ALUMNI YOUNG ART ENTREPRENEUR (YAE): JOM MAIN TANAH BERSAMA AIMAN, PIN O PIN SHARK PLASTIC BERSAMA IZZAT, CANTING BERSAMA YOONG | SIARAN LUAR RAKITA 107.9 | JUALAN USAHAWAN BELIA


KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA

| | |
|-------------------------|--|
| 10.00 PAGI | -TAYANGAN FILEM: SAYANG SALMAH -BORAK DEMOKRASI (TAJUK: PEREMPUAN MERDEKA) PANEL 1: PROF. MADYA DR. SHARIFAH SYAHIRAH S. SHIKH @ SY SHEIKH PANEL 2: QYIRA YUSRI (PENGARAH PENDIDIKAN PERTUBUHAN UNDI18) -KUIZ RUKUN NEGARA |
| 11.30 PAGI | -SESI SEMBANG FILEM: SAYANG SALMAH PANEL: PROF. DR. MAHADI J MURAT MODERATOR: DR. HANI SALWAH -KELAS DEMOKRASI -BACAAN PUISI OLEH KHASTHURY P. & ADAM HAZIN -PERSEMBAHAN AKUSTIK OLEH RUMAH KAYU |
| 1.30 TENGAH HARI | -TAYANGAN FILEM: MATINYA SEORANG PATRIOT -BACAAN PUISI OLEH IEDA MAZLAN & SWIT MARIE -PERSEMBAHAN AKUSTIK OLEH VIONA |
| 3.30 PETANG | -SESI SEMBANG FILEM: MATINYA SEORANG PATRIOT PANEL: NASIR JANI MODERATOR: DR. HANI SALWAH -PERSEMBAHAN PUISI GERAK TEATERIKAL OLEH KUMPULAN SURI PANGGUNG |
| 4.30 PETANG | -TAYANGAN FILEM: KAKI BAKAR -PERSEMBAHAN AKUSTIK OLEH AMIR JAHARI |
| 6.00 PETANG | -SESI SEMBANG FILEM: KAKI BAKAR PANEL: JOHARI HAMID MODERATOR: DR. HANI SALWAH -BACAAN PUISI OLEH RONASINA & PYANHABIB |
| 8.30 MALAM | -PERSEMBAHAN AKUSTIK OLEH SEAKAN BINTANG, HAWA & AZMYL YUNOR |
| 10.00 MALAM | -TAMAT |

*ATUR CARA ADALAH TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN DARI SEMASA KE SEMASA